

12/02/2003

Ibadat korban bentuk umat Islam prihatin: PM

Johari Ibrahim; Tuan Nazuri Tuan Ismail; Faiza Zainudin
JITRA: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata ibadat korban dapat membentuk masyarakat yang prihatin, bertimbang rasa dan menginsafi kesusahan orang lain.

Beliau berkata ibadat korban bukan saja dilakukan bagi mendapatkan pahala untuk individu di akhirat, tetapi perlu diiringi perasaan kasih sayang dan prihatin terhadap nasib malang saudara Islam atau bukan Islam.

"Dengan perasaan ini akan dapat membentuk masyarakat Islam yang lebih prihatin, lebih rasa sayang dan insaf kepada kesusahan orang lain sama ada Islam atau bukan Islam," katanya.

Beliau berucap pada majlis penyerahan lembu korban sempena Aidiladha anjuran bersama Umno bahagian Kubang Pasu dan Kedah Halal Food Hub Sdn Bhd

(KHFH) di Kompleks Paya Pahlawan, dekat sini, semalam.

Lebih 60 lembu yang disumbangkan syarikat dan individu akan dikorbankan di kompleks itu esok dan dagingnya akan diagihkan kepada umat Islam di kawasan Kubang Pasu.

Antara syarikat yang menyumbang lembu korban ialah Celcom Bhd, AirAsia Sdn Bhd, KUB Bhd, Syarikat Perumahan Negara Bhd, Aman Agropreneurs Sdn Bhd, KFC Holding, Putrajaya Holding Bhd, Projek Lebu Raya Utara Selatan dan Permodalan Nasional Bhd.

Antara individu yang turut menyumbang ialah Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis dan Pengerusi Celcom Bhd, Datuk Dr Mohd Munir Abdul Majid.

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali; Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain; Timbalan Ketua Umno bahagian Kubang Pasu, Tan Sri Osman Aroff dan Pengarah Urusan KHFB, Datuk Syazryl Eskay.

Perdana Menteri juga meminta umat Islam di negara ini bersyukur di atas nikmat keamanan di samping menginsafi nasib malang saudara seagama di negara lain yang diancam peperangan.

"Pada waktu kita berada di sini dalam keadaan aman dan tenang, kita mesti ingat juga bahawa menjelang Hari Raya Korban ini terdapat ramai umat

Islam lain yang diancam peperangan.

"Mungkin pada Hari Raya Haji tahun depan mereka tidak akan ada lagi bersama kita kerana mereka mungkin dibunuh, ramai akan cedera, negara mereka akan hancur kerana dibom dan dilontar peluru," katanya.

Perdana Menteri turut menyerahkan lembu korban kepada penduduk di Kampung Kelubi, Kampung Pulau Ketam dan Titi Gajah.

Sementara itu, dalam perutusannya sempena Aidiladha, Dr Mahathir berkata umat Islam di Malaysia pada umumnya masih berkemampuan dan dapat melakukan

ibadat haji dengan baik tanpa halangan meskipun dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu.

Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia mempunyai taraf sosial dan ekonomi yang semakin tinggi meskipun kos segala-galanya juga meningkat sepanjang masa.

"Namun demikian, kos sara hidup di Malaysia tidak melonjak dengan mendadak lebih cepat daripada kenaikan pendapatan kita. Dengan itu, walaupun kos meningkat, tetapi mutu kehidupan kita juga meningkat," katanya.

Dr Mahathir berkata kenaikan kos mengerjakan haji tidaklah sehingga umat

Islam tidak dapat membuat ibadat itu melainkan jika seseorang itu betul-betul daif.

Katanya, mereka yang menyimpan wang dengan Tabung Haji sudah menikmati tambahan kepada simpanan mereka dengan dividen pelaburan yang dibuat Tabung Haji.

"Memang benar baru-baru ini keuntungan daripada pelaburan menurun.

Kita

harus ingat bahawa tidak ada perniagaan yang untung sepanjang masa secara

tetap melainkan jika riba diamalkan," katanya.

Seperti mana rakyat menerima keuntungan yang tinggi ketika ekonomi negara tumbuh dengan pesat, mereka perlu menerima hakikat bahawa di waktu

ekonomi tidak tumbuh sepesat dulu, keuntungan mereka akan kurang, kata

Dr

Mahathir.

Dari konteks umat Islam keseluruhannya, Dr Mahathir berkata agama Islam

dan penganutnya tidak akan ditindas dan dihina oleh sesiapa jika sifat dan

sikap yang dimiliki ketika mengerjakan ibadat haji diteruskan selepas tamat ibadat.

Walaupun ramai orang Islam yang membuat kerja haji lebih sekali, masih ramai yang bersengketa sesama sendiri, suka melempar fitnah kepada orang Islam yang lain dan masih tidak bersatu, katanya.

"Mereka dan agama mereka lebih teruk dihina oleh orang lain sekarang. Umat Islam dijadikan sasaran fitnah dan serangan hingga ramai terbunuh dan

cedera parah. Negara Islam dikepung hingga tidak dapat bekalan makanan dan

ubat.

"Sementara itu, kita boleh kecam dan kutuk orang lain. Apakah kita tidak

perlu renung dan soal diri sendiri akan sebabnya segala malapetaka ini menimpa kita?

"Tidakkah ia kerana kita tidak mengamalkan segala ajaran dan panduan yang terdapat dalam ibadat yang kita lakukan setiap hari. Tidakkah ia kerana ibadat haji dan umrah yang kita tunaikan mempengaruhi kita hanya ketika membuat ibadat ini saja dan tidak selepasnya?" kata Dr Mahathir.